

Tawaran Menteri luput: PM

2/2

25 AUG 1988

Oleh: NORHAYATI MD SAID

GUA MUSANG, Khamis Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini menegaskan bahawa tawaran jawatan Menteri Tak Rerportfolio kepada Tengku Razaleigh Hamzah sudah luput, tetapi sebagai ahli Umno masih trrhuka.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno hahaejan Gua Musang di sini, beliau bagaimanapun berkata isu mengenai Datuk Musa Hitam tidak timbul lagi kerana beliau (Datuk Musa) sudah kembali menyertai Umno.

Tawaran kepada dua pemimpin itu dihuat oleh Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, di Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur, Oktober 1988.

Tengku Razaleigh dan Datuk Musa, masing-masing bekas Menteri Prdagangan dan Perindustrian serta bekas Timbalan Perdana Menteri, adalah antara ahli kumpulan serpihan Umno yang mempertikaikan penubuhan Umno (baru) selepas diisytiharkan tidak sah oleh mahkamah pada Januari tahun lalu.

'Kumpulan 11' ahli itu, yang menuntut agar Umno (lama) yang diasaskan pada 1946 dihidupkan semula, kemudian menjadi ahli Bebas di Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri.

Majlis Tertinggi Umno kemudian melantik semula tiga bekas anggotanya yang menganggotai semula parti itu, dalam usaha mengukuhkan perpaduan.

Bagaimanapun, usaha memujuk Tengku Razaleigh gagal hingga ke saat ini. Hanya Datuk Musa menerima rayuan itu dan menganggotai semula Umno baru-baru ini.

Ketika herucap merasmikan perhimpunan perwakilan Umno bahagian Gua Musang, Dr Mahathir Mohamad, berkata ahli Semangat 46 tidak perlu malu jika mahu menyertai Umno demi perpaduan orang Melayu.

Beliau berkata, ada ahli kumpulan itu yang bercakap di belakang untuk menyertai Umno tetapi hcrasa terihat kerana sudah menerima wang atau hantuan lain.

Perdana Menteri berkata, mereka tidak perlu malu kerana sesiapa juga boleh menyertai Umno asalkan jujur.

Beliau berkata, sudah ramai pemimpin kumpulan serpihan yang menyertai Umno seperti Datuk Musa Hitam, Datuk Shahrir Abdul Samad, Datuk Abdullah Badawi dan Datuk Kadir Sheikh Fadzir, setelah menyedari pentingnya perpaduan orang Melayu.

"Mereka juga tidak scharusnya bertanya apakah yang boleh diperolehi jika mereka menyertai Umno.

"Umno hanya mahukan orang yang jujur," katanya.

Beliau seterusnya mcngulangi pentingnya perpaduan dalam Umno dan usaha untuk melcmahkannya harus ditentang habis-hahisan.

"Sejarah sudah memhuktikan hanya Umno sahaja yang dapat menyatukan orang Melayu," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kekuatan Umno sahaja menjadikannya sebagai tulang belakang bagi parti-parti lain dalam Barisan Nasional.

Mengenai kawasan Gua Musang, beliau berkata pihaknya akan memheri perhatian istimewa dan menerima pandangan daripada pemimpin-pemimpin di kawasan itu kerana kedudukannya yang ketinggalan di segi pemhangunan.